

Soalan Lazim untuk Kempen Points to Cash Dengan AmOnline

1. Siapakah yang layak untuk kempen ini?

Kempen ini adalah melalui jemputan eksklusif sahaja untuk pelanggan yang berikut:

- i) Pelanggan individu yang mendaftar untuk Aplikasi AmOnline antara 1 Jun 2025 – 30 September 2025; dan
- ii) Pelanggan individu terpilih yang menerima jemputan untuk menyertai kempen ini melalui panggilan telefon, pemberitahuan automatik AmOnline, Sistem Pesanan Ringkas (SMS) atau mel terus elektronik (eDM).

2. Mestikah saya menjadi ahli BonusLink untuk menyertai kempen ini?

Ya, anda mesti menjadi ahli BonusLink **dan** memautkan akaun BonusLink anda dengan AmOnline untuk menyertai kempen ini. Ketahui lebih lanjut mengenai cara berbuat demikian [di sini](#).

3. Jika saya ahli BonusLink yang sedia ada, bolehkah saya menggunakan keahlian sedia ada saya untuk menyertai kempen ini?

Ya, anda boleh menggunakan keahlian sedia ada anda **dan** memautkannya ke Aplikasi AmOnline anda untuk menikmati Mata BonusLink daripada kempen ini. Jika anda telah memautkan akaun BonusLink anda ke Aplikasi AmOnline sebelum ini, tiada tindakan lanjut diperlukan.

4. Adakah saya perlu mempunyai akaun CASA/CASA-i untuk kempen ini?

Tidak wajib mempunyai akaun CASA/CASA-i untuk kempen ini. Walau bagaimanapun, ianya diperlukan apabila anda menukar Mata BonusLink anda kepada wang tunai melalui Aplikasi AmOnline.

5. Bagaimanakah saya boleh menikmati Pulangan Tunai 1% dalam Mata BonusLink ?

- i) Anda boleh melakukan mana-mana transaksi yang layak berikut melalui Aplikasi AmOnline:

Jenis Transaksi	Amaun Minimum untuk Setiap Transaksi	Peratusan Pulangan Tunai untuk Diberikan dalam Mata BonusLink
DuitNow QR Pay-to-Merchant	RM10	1% daripada Amaun Transaksi
FPX	RM100	
JomPAY	RM50	
Tambah Nilai Prabayar	RM10	

ii) Pengiraan untuk Pulangan Tunai 1% dalam Mata BonusLink diperolehi seperti berikut:

Tarikh Transaksi	Jenis Transaksi	Jumlah Transaksi (RM)	Pulangan Tunai 1% ¹	Mata BonusLink Diberikan Berdasarkan Jumlah Pulangan Tunai ²
21 Jun 2025	DuitNow QR P2M	RM10.15	RM0.10 (1% x RM10 = RM0.10)	10 (RM0.10 x 106 = 10.60 = 10)
22 Jun 2025	FPX	RM150.22	RM1.50 (1% x RM150 = RM1.50)	159 (RM1.50 x 106 = 159)
23 Jun 2025	Tambah Nilai Prabayar	RM50.00	RM0.50 (1% x RM50 = RM0.50)	53 (RM0.50 x 106 = 53)
24 Jun 2025	JomPAY	RM300.00	RM2.00 (1% x RM300 = RM3.00) Walau bagaimanapun, ganjaran dihadkan pada Dua Ringgit Malaysia (RM2).	212 (RM2.00 x 106 = 212) Ganjaran dihadkan pada 212 Mata BonusLink.

Jumlah Ganjaran yang diperolehi oleh Pelanggan A dalam bulan Jun 2025 adalah:
= 10+159+53+212 Mata BonusLink
= 434 Mata BonusLink

¹ 1% dikira berdasarkan jumlah transaksi yang dibundarkan ke bawah kepada Ringgit Malaysia terdekat.
² Mata BonusLink yang diberikan adalah berdasarkan kadar penukaran Satu Ringgit Malaysia (RM1) = 106 Mata BonusLink. Mata BonusLink yang diberikan akan dibundarkan ke bawah dan Mata separa tidak akan diberikan.

6. Bilakah saya akan mendapat Mata BonusLink ?

Pemenuhan akan dilaksanakan pada setiap bulan mengikut jadual di bawah:

Kumpulan	Tarikh Transaksi	Pemenuhan Ganjaran
Kumpulan 1	20 Jun 2025 – 30 Jun 2025	Selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2025
Kumpulan 2	1 Julai 2025 – 31 Julai 2025	Selewat-lewatnya pada 30 September 2025
Kumpulan 3	1 Ogos 2025 – 31 Ogos 2025	Selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2025
Kumpulan 4	1 September 2025 – 30 September 2025	Selewat-lewatnya pada 30 November 2025

7. Bagaimanakah untuk saya menukar Mata BonusLink saya kepada wang tunai?

- i) Rujuk bahagian widget BonusLink pada halaman 'Hadapan' Aplikasi AmOnline.
- ii) Tekan 'Tebus Tunai'. Amaun Mata minimum yang diperlukan untuk menukar kepada wang tunai ialah 1,060 Mata yang bersamaan dengan Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10).
- iii) Wang tunai tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun CASA/CASA-i utama anda.
- iv) Sebagai alternatif, sila rujuk [di sini](#) untuk langkahnya.

8. Bolehkah saya menebus Mata BonusLink saya untuk barangan lain selain wang tunai?

Ya, anda boleh. Sila layari laman web BonusLink [di sini](#) untuk menebus produk menarik yang lain.